1

Lektur Keagamaan dalam Pengajaran Teologi Islam di Pondok Pesantren Abad 18-20 di Indonesia

AMIQ

Abstrak

Pondok pesantren adalah pusat pengajaran ilmu keislaman di Indonesia, selain menjadi tempat pertemuan intelek yang menghubungkan tradisi intelektual Islam di Timur Tengah dan Indonesia. Ketika dibatasi penyebaran kitab kuning oleh pemerintah kolonial Belanda, pondok pesantren terus menyalinnya dan manuskrip kitab kuning itu yang menjadi teks teras dalam kurikulum pendidikannya. Sehingga kini, sejumlah salinan daripada manuskrip itu dapat kita temui di beberapa pondok pesantren. Teks-teks itu sudah menjadi rakaman otentik dari sebuah tradisi yang dinamik perkembangan ilmunya. Yang membezakan salinan teks itu dengan karya aslinya adalah catatan di pinggir dalam teks salinan. Catatan itu dibuat oleh murid berdasarkan penjelasan daripada tok guru. Catatan itu boleh berupa ulasan kritikal ke atas isi kitab, penyebaran intelektual sesebuah madhhab Islam, ijtihad lokal yang dilakukan tokoh ulama pada masanya, selain catatan sejarah lokal. Oleh sebab catatan pinggir itu aktif dilakukan pada masa penulisannya, maka manuskrip milik pondok pesantren itu telah menjadi dokumen yang unik. Kertas kerja ini cuba memperkatakan beberapa buah manuskrop seumpama itu yang berasal dari lima buah pondok pesantren di tiga kabupaten di Jawa Timur dengan salinan digitalnya tersimpan di Lembaga Pengkajian Agama dan Masyarakat (LPAM), di Surabaya.

Pendahuluan

Kertas kerja ini ditulis berdasarkan hasil penyelidikan yang telah saya lakukan dengan geran penyelidikan dari The British Library, London, dalam rangka program *The Endangered Archives Programme*. Penyelidikan ini dilakukan di tiga kabupaten di Jawa Timur: Lamongan, Ponorogo dan Tuban.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

GAMBAR 1. Naskah berjudul *Al-Awamil*, halaman pertama.
LANG_Ar035i f. 184a, Koleksi LPAM Surabaya

Dalam penyelidikan itu tiga buah pondok pesantren utama telah dijadikan lokasi penyelidikan, iaitu Pondok Pesantren Langitan di Widang, Tuban; Pondok Pesantren Tarbiyya al-Talaba di Keranji, Paciran, Lamongan; dan Pondok Pesantren Tegalsari, di Jetis, Ponorogo. Kiranya kedua-dua pondok yang pertama itu mengajar ilmu keislaman secara tradisional, tetapi Pondok Pesantren Tegalsari sudah berubah menjadi lembaga pendidikan dan sudah tidak mengajar ilmu keislaman secara formal lagi.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Di ketiga-tiga buah pondok itu masih ada 312 judul manuskrip daripada beberapa disiplin ilmu keislaman. Sebahagian besar teks itu adalah salinan yang ditulis tangan berdasarkan kitab kuning yang tercetak, sebahagian lagi adalah tulisan daripada tokoh ulama lokal. Sebahagian koleksi di ketiga-tiga pondok itu dalam keadaan robek di sana sini akibat kelembapan udara yang relatif tinggi, penjagaan yang kurang memadai dan sikap pemilik yang kurang menyedari nilai sejarah koleksinya (rujuk Gambar 4).

Manuskrip daripada Tradisi Keilmuan Pondok Pesantren

Yang dimaksudkan itu adalah manuskrip yang berisikan ajaran Islam yang masih tersimpan di pondok pesantren di Indonesia. Sebahagiannya adalah salinan daripada kitab kuning yang terbatas penyedarannya di pasar buku pada masa ia ditulis. Contohnya adalah teks di Pondok Langitan dengan judul *Ithāf al-Murīd 'Alā Jawhar al-Tawhīd.* Ia adalah salinan daripada kitab kuning dengan judul yang sama, hasil cetakan Dar al-Tiba'ah al-Qahirah. Kitab itu ditulis pada bulan Safar 1234 dan selesai disalin oleh Hasan Syuhdi pada Jumadilawal 1276 H (November/Disember 1859).[1]

Kajian yang dilakukan Thoiful Jinan telah menemui hasil kajian yang menarik tentang proses penyalinan kitab kuning. Bila dibandingkan isi kitab kuning *Fath al-Mu'in* dengan manuskrip lama yang mempunyai judul yang sama terdapat perbezaan, walaupun bukan yang terlalu fundamental sehingga menimbulkan perbezaan makna. Yang nyata adalah isinya tidak seratus peratus sama. Perbezaan itu mungkin disebabkan dua hal. Pertama, kitab yang disalin itu berbeza dengan yang diedarkan saat ini. Kedua, proses penyalinan kitab dengan tangan kurang tepat (Jinan 2006: 68-69.)

Perbezaan yang paling menonjol antara manuskrip salinan dengan kitab yang disalin itu adalah catatan pinggir, iaitu *marginalia*. Lihat gambar 2 dan 3 yang menunjukkan catatan pinggir yang luar biasa jumlahnya di halaman setiap manuskrip yang berkenaan. Catatan itu bukan sahaja berupa *marginalia* (*taqrirat*) dan catatan yang menggantung (*ta'liqat*), tetapi juga terdapat pada hampir-hampir setiap

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

GAMBAR 2. Naskah *Al-Awamil*, halaman pertama.
LANG_Ar025c f. 70b, Koleksi LPAM Surabaya

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

GAMBAR 3. Naskah *Bahjah al-Ulum*, halaman pertama.
LANG_Ar035a f. 1b, Koleksi LPAM Surabaya

baris dan halaman. Dalam banyak manuskrip yang saya temui itu terdapat juga catatan dari halaman pertama hingga halaman akhir. Catatan-catatan itu menjadi faktor pembezaan utama antara salinan manuskrip yang sama judulnya. Kalaupun isi utamanya (*al-matan*) sama, tetapi *marginalia*nya itu berbeza. Keragaman isi catatan dalam manuskrip yang sama judul itu disebabkan kedua-duanya dimiliki orang yang berbeza.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id



GAMBAR 4. Naskah *Bahjah al-Ulum*, halaman pertama.
LANG_Ar013a f. 1b, Koleksi LPAM Surabaya

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Dalam tradisi keilmuan pondok pesantren, perbezaan maklumat dalam *marginalia* itu disebabkan proses pembelajaran yang berlainan dialami kedua-dua pemilik manuskrip itu. Pemilik dan penyalin kedua-dua manuskrip itu berguru yang lain-lain sehingga apa yang didengarnya sebagai keterangan tentang isi utama teks-teks itu dengan sendirinya juga berbeza. Dengan kata lain, manuskrip itu adalah dokumen aktif pada zamannya, maka mempunyai hubungan erat dengan kedinamikaan intelektual yang berkembang di pondok pesantren, termasuk proses pembelajaran, kurikulum pendidikan, hubungan murid dengan guru dan dialektik pemikiran agama semasa.

Selain itu, terdapat juga kaitan erat antara tradisi penulisan manuskrip dengan tradisi keilmuan pondok pesantren. Tradisi penulisan manuskrip adalah jalan keluar untuk memenuhi keperluan lahiriah pengedaran kitab kuning di Indonesia. Bilangan naskah kitab kuning yang sedia ada di pasaran daripada abad ke-19 hingga awal abad-20 sungguh tidak seimbang dengan bilangan pemburu ilmu Islam di pondok pesantren. Perbezaan inilah yang menyebabkan munculnya tradisi penulisan kitab kuning di pondok pesantren. Orang yang kaya tetapi susah mendapatkan kitab kuning sebagai bahan pelajaran itu akan mengupah orang yang pandai menulis huruf Jawi dengan baik untuk menyalin kitab-kitab yang dikehendaki. Pada ketika itu, penyalin menjadi profesion yang lumayan pendapatannya. Kyai Jailani dari Jetis dan Abul Hamid dari desa Keranji masing-masing sudah dibayar sepasang sapi kerana menyalin kitab *Fath al-Qarib*, dan juga dua pasang sapi kerana menyalin Al-Qur'an al-Karim. Tidak sedikit penyalin itu telah menunaikan ibadah haji daripada upah menyalin manuskirp. Salinan kitab kuning itu telah dijadikan bahan bacaan selama menjadi santri di pondok pesantren. Sehubungan itu, terdapat setengah *marginalia* berupa catatan yang dibuat murid sepanjang masa mereka menjadi santri. Kegiatan dan masalah mereka selama menjalani proses pembelajaran kuat mempengaruhi caranya mereka menorehkan *marginalia* di atas teks yang mereka miliki.

Marginalia mempunyai beberapa fungsi yang berbeza-beza. Yang utamanya adalah sebagai penjelas atas teks utama (*al-matan*), terutamanya yang berkaitan sumber yang dirujuk (Amiq & Jinan 2006). *Marginalia* juga berisikan maklumat tentang perdebatan antara pemilik manuskrip dengan koleganya,[2] selain sejarah lokal yang dapat memperkayakan sumber bertulis bagi penulisan sejarah pondok pesantren.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Dalam manuskrip milik K.H. Ahmad Sholeh dengan judul *Kitab Syarkh Al-Azhar al-Zayniyya*[3] yang tersimpan di Pondok Langitan itu terdapat catatan mengenai perjalanan intelektual Kyai Sholeh ketika menjalani pendidikan di Mekah dan Madinah. Catatan tersebut kemudian dipergunakan untuk menyemak semula penulisan sejarah Pondok Langitan. Manurkip tentang fiqh Madhhab Syafi'i karya Imam al-Rafi'i yang berjudul *Al-Muharrar* dan yang tersimpan di Pondok Pesantren Tegalsari itu berisikan catatan tentang sejarah ringkas Pondok Pesantren Tegalsari dan monograf desa Tegalsari pada abad ke-19, serta proses penganugerahan status desa perdikan (*qaryah hurrah*) kepada Desa Tegalsari oleh Keraton Solo Hadiningrat.[4]

Selanjutnya akan kami memperkatakan beberapa buah manuskrip teologi (*aqidah*) yang hingga sekarang masih tersimpan dengan rapi, walaupun dalam keadaan yang memerlukan perhatian pengawetan di ketiga-tiga pondok tadi.

Lektur Teologi Islam Indonesia pada Abad XIX Hingga XX

Salah satu bahan pengajaran di pondok pesantren di Jawa Timur adalah pelajaran aqidah, selain fiqih, tajwid, tafsir, hadith, ilmu falaq, ilmu hisab, ilmu penyembuhan dedaunan (*herbal healing*) dan kerohanian (*spiritual healing*) yang dikenali sebagai *al-tibb al-nabawiy* (*prophetic medicine*) dalam tradisi pesantren.

Martin van Bruinessen (1999) telah membuat inventori sebahagian besar kitab kuning tercetak yang beredar di pasaran sebagai hasil penyelidikannya ke atas buku-buku keislaman yang dicetak dalam huruf Jawi dan beredar di Indonesia, Malaysia dan Pattani (Thailand). Sebanyak dua puluh kategori kitab kuning itu telah dibuat berdasarkan disiplin dan ilmu yang dipelajari di lembaga pendidikan tradisional Islam, seperti madrasah dan pondok pesantren. Namun, tidak dapat dipastikan buku yang mana pernah menjadi bahan pelajaran di madrasah dan pondok, dan mana pula hanya menjadi pegangan pengajar atau santri senior, atau digunakan kiyai sahaja.

Dua puluh kategori kitab kuning itu adalah kaedah berbahasa Arab, amalan berbahasa Arab, logik astronomi dan karya ensiklopedia, al-Qur'an dan ilmu al-Qur'an, koleksi hadith nabi, perukunan, Fiqih,

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

perkahwinan dan kewajiban wanita, usul al-fiqh, fatwa ulama dan problematika seharian, tauhid, kosmologi, sejarah nabi Muhammad, tasawuf, akhlak, pendidikan (*tarbiyya*), primbon, koleksi wirid, sejarah ulama dan koleksi khutbah Jum'at.

Ada beberapa judul kitab kuning di bidang teologi yang telah banyak dipelajari di pondok pesantren di Jawa Timur daripada akhir abad ke-18 hingga awal abad ke-20. Yang paling popular disalin sebagai bahan pengajaran adalah *Jawhar al-Tawhid*, karya Imam Burhanuddin b. Harun al-Laqqani. Karya Laqqani ini bukan sahaja telah digunakan sejak pertengahan abad-18 hingga pertengahan abad-20, tetapi juga masih dianjurkan oleh *The Hanbali Text Society* pada masa sekarang.[5] Karya itu tidak sahaja disalin ulang *matan*nya, tetapi juga *syarkh*nya. Di Tegalsari dan Langitan juga ditemui manuskrip yang berjudul *Ithaf al-Murid Ala Jawhar al-Tawhid,* karya Abdussalam Ibrahim al-Maliki, dan *Sharkh Jawhar al-Tawhid,* karya Ibrahim al-Bajuri (w. 1277/1861). Di Senori, Tuban, ditemui juga kitab penjelas ke atas karya Laqqani dengan judul *Al-Durr al-Farid Fi Sharkh Jawhar Tawhid* yang ditulis Kyai Abu Fadl pada pertengahan abad-20. Sekarang buku Laqqani ini mulai ditinggalkan di beberapa pondok pesantren, termasuk Pondok Langitan dengan diganti dengan *Al-Husun al-Hamidiyyah li al-Muhafadha 'Ala 'Aqaid al-Islamiyya*, karya Husain Effendi Al-Tarabulisi (w. 1909).

Kitab kuning di bidang tawhid yang lain yang juga menjadi bahan kajian di pondok pesantren adalah *Umm al-Barahin,* karya Abu Abdullah Muhammad b. Yunus al-Sanusi al-Maliki (w. 892/1486). Karya Sanusi ini diberi penjelasan yang panjang lebar dalam *Kitab Jawhar Thamin li Umm al-Barahin*[6] yang menurut tradisi lisan di Tegalsari adalah kitab tawhid yang dipelajari Rd. Ng. Ronggowarsito di bawah bimbingan Kyai Ageng Kasan Besari. Tiga buah kitab kuning yang lain adalah *Umm al-Barahin*, iaitu *Al-Tilmisani*, karangan Muhammad b. Umar b. Ibrahim al-Tilmisani,[7] *Hashiyah Bajuri 'Ala al-Matan Sanusi* karangan Ibrahim al-Bajuri (w. 1277/1861)[8] dan *Fath al-Mubin Fi Sharkh Umm al-Barahin.*[9]

Kitab tawhid lain yang juga dipelajari di pondok pesantren adalah misalnya *Kitab Bahjah al-Ulum Fi Sharkh Fi Bayan 'Aqidah al-Usul*[10], iaitu penjelasan atas *Aqidah al-Usul,* karya Abu Layth al-Samarqandi (w. 375/985) serta *Fath al-Rahman Bi Syarkh Risalah al-Waliyy al-Raslan*, iaitu penjelas yang ditulis Abu Zakariyya al-Anshari

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

al-Shafi'i (w. 925/1519) atas *Fath al-Rahman,* karya Imam Raslan Al-Damsiqi.

Ada dua buah kitab tawhid lain yang tidak dipelajari di pondok pesantren masa sekarang, maka tidak beredar lagi di pasaran, selain tidak disenaraikan dalam daftar yang dibuat M. van Bruinessen, iaitu *Al-Miftah Fi Sharkh Ma'rifah al-Islam wa al-Iman*[11] dan *Fath al-Mufid*[12]. Dengan diketemui kedua-dua judul manuskrip itu di tiga pondok pesantren ini bererti bahawa pada masa itu kedua-dua kitab itu telah digunakan sebagai bahan kajian untuk pengajaran ilmu tawhid; tetapi disebabkan perubahan yang tertentu, maka mulai tergeser dengan kitab kuning yang lain.

Masa Depan Pengajian Islam di Indonesia

Manuskrip tentang Islam milik pondok pesantren di Pulau Jawa adalah sumber sejarah yang nyaris-nyaris belum dikaji, walaupun dokumen itu boleh memberi maklumat yang kaya tentang Islam di Indonesia. Hanya dalam masa kebelakangan ini pesantren dikaji lebih daripada segi antropologi tentang kehidupan pesantren sebagai fenomena sosial, mencakupi sistem kekerabatan dan keintelektualan kiyai (Dhofier 1984; Azra 1994), peranan pesantren atau kyai dalam kehidupan seharian mereka (Steenbrink 1986; Horikoshi 1987) dan dari segi sosio-anthropologi pesantren dan madrasah di era modern (Mastuhu 1994; Daulay 2001 & Daradjat 1979). Tetapi, pesantren sebagai institusi budaya yang mempengaruhi kedinamikaan pemikiran agama khususnya di Indonesia nyaris-nyaris tidak disentuh kerana keterbatasan sumber primer. Selain itu, pesantren sebagai lembaga pendidikan Islam yang dipercayai semua orang dan kedinamikaan ilmu dunia pesantren pada masa lalu juga belum dilakukan.

Pada dekad 1980an, isu pemperibumisasi Islam dipercayai pernah berlaku di Indonesia. Warna Islam Indonesia juga dipercayai orang ramai, terutamanya di kalangan murid Nurcholis Madjid, berbeza dari warna Islam di Timur Tengah. Kepercayaan itu tidak mempunyai pengesahan akademik yang meyakinkan, maka sekadar perdebatan teologi ijtihadi. Sebabnya adalah kekurangan sumber tertulis daripada pesantren. Haluan baru kajian pesantren yang lebih menekankan sumber-sumber primer telah dilakukan Abdurrahman Mas'ud dalam tesisnya di Universiti

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

California di Los Angeles (Mas'ud 2006), meskipun kajian itu terbatas kepada biografi tokoh-tokoh besar dari pesantren, termasuk Nawawi al-Bantani (1813-1897), Mahfuz Al-Tirmasi (w. 1338/1919), Khalil Bangkalan (1819-1925), K.H.R. Asnawi Kudus (1861-1959) dan KH. Hasyim Asy'ari (1871-1947).

Kekosongan kajian yang memotretkan kedinamikaan intelektual dunia pesantren disebabkan banyak faktor. Pertama, ketertutupan dunia pesantren kepada orang luar. Implikasinya adalah manuskrip yang disimpan di tempat khas itu hanya boleh dimasuki ahli keluarga pesantren. Kedua, pesantren dari segi sejarahnya adalah tempat yang tersendiri dan bebas daripada pengaruh dunia dunia dari segi budaya, politik dan ekonomi. Oleh itu, tidak dijumpai peristiwa penaklukan pondok pesantren yang boleh mempunyai pengaruh politik yang besar kerana keluasan kawasan geografinya. Kemerdekaan inilah yang menyebabkan pesantren dapat dikaji dengan objektif kajian apapun. Ketiga, pemilik dan penyimpan koleksi manuskrip yang juga seringkali adalah penyelenggara pesantren yang berkenaan tidak menyedari adanya khazanah intelektual yang sangat berharga di tempatnya. Keempat, sekalipun menyedari adanya koleksi manuskrip itu, naskah di wilayahnya, mereka tidak merasa perlu untuk mengkajinya kerana sebahagian manuskrip itu adalah salinan dari kitab kuning yang sudah dicetak dan dipasarkan di banyak kedai buku. Gabungan keempat-empat faktor itulah menjadikan koleksi manuskrip itu mutiara yang terlantar di kubangan lumpur.

Dalam rangka usaha pelestarian manuskrip di pondok Langitan, saya menemui sebuah buku kecil yang membicarakan ilmu falaq. Judulnya *Al-Madhuma al-Daliya Fi Awa'il Al-Asyhur al-Qamariyya* yang dikarang K.H. Faqih b. Abdul Jabbar dari Pondok Maskumambang, Gresik. Manuskrip itu sudah dicetak dan naskah cetak itu saya temui di Pondok Ihyaul Ulum, Dukun, Gresik. Walaupun tidak ada yang istimewa dalam penemuan manuskrip ini, tetapi sekiranya dihubungkan keadaan ketiga-tiga pondok pesantren ini, akan timbul persoalan yang perlu dijawab.

Pada masa sekarang, ketiga-tiga pondok pesantren itu memiliki faham agama yang berbeza-beza. Sekiranya Pondok Maskumambang mempunyai faham keagamaan yang condong kepada ajaran Wahabi, tetapi Pondok Langitan dan Ihyaul Ulum cenderung kepada ajaran Ahl Sunna wal-Jama'a (NU). Antara persoalan yang perlu dijawab adalah bagaimana karya kyai Wahhabi ditemui di pondok NU? Adakah tradisi keagaman sudah terputus di ketiga-tiga pesantren itu? Apakah sudah

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

terjadi ketidaksinambungan tradisi keagamaan di pondok Maskumambang dengan NU bergeser kepada ajaran Wahhabi? Adakah tradisi keagamaan telah tergeser daripada ajaran Wahhabi kepada ajaran Aswaja di pondok Langitan dan pondok Ihyaul Ulum? Kedudukan ketiga-tiga pesantren di laluan Bengawan Solo juga menimbulkan persoalan yang tersendiri: adakah pesantren di bantaran Bengawan Solo mempunyai hubungan keintelektualan dan kesamaan faham keagamaan? Saya percaya penerukaan ke atas khazanah intelektual dalam manuskrip di pondok pesantren akan melahirkan kajian-kajian baru yang dapat memperluaskan horizon kajian Islam di Indonesia.

Nota

1 LANG_Ar020b f. 131a.

2 Pada naskah *Fath al-Qarib al-Mujib* yang kini tersimpan di Pondok Langitan, terdapat catatan pinggir yang berisi perdebatan tentang hukum makan belut, antara Kiyai Ahmad Sholeh Langitan dan Kyai Soleh II, pemimpin Pondok Qomaruddin Bungah Gresik. Kedua tokoh tersebut adalah kawan pada saat menjadi santri di Pondok Sidoresmo Surabaya. Keduanya berselisih hingga akhir hayatnya. Menurut tradisi lisan yang berkembang di pondok Langitan, karena kedua pendapat tidak bisa disatukan maka Kyai Sholeh II Qomaruddin berujar bahwa siapa di antara keduanya yang terlebih dahulu meninggal maka pendapatnyalah yang salah. Menurut cerita keduanya meninggal di hari dan jam yang sama.

3 LANG_Ar001. Kitab ini karya Syekh Ahmad Zayni Dahlan sebagai penjelas (*syarkh*) atas *Alfiyah* karya ibn Malik. Saat ini, kitab *Syarkh al-Azhar Al-Zayniyyah* dikenal dengan *Dahlan Alfiyah* dan dipergunakan di Pondok Langitan sebagai materi ajar tingkat tertinggi di bidang *nahw*.

4 TS_Ar002. Menurut tradisi lisan yang berkembang di Pondok Pesantren Tegalsari, kitab ini merupakan salah satu dari sekian kitab kuning yang dipelajari oleh Rd. Ng. Ronggowarsito di bawah bimbingan Kyai Ageng Kasan Besari Tegalsari.

5 http://www.sunniforum.com/forum/showthread.php?t=3602&page=2 di akses pada tanggal 10 Juli 2007

6 TS_Ar001a.

7 LANG_Ar35f.

8 KR_Ar003b.

9 CPR_Ar002a

10 LANG_Ar013a, CPR_Ar006b

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

[11] LANG_Ar013c

[12] LANG_Ar13d, CPR_Ar009a.

Rujukan

Amiq & Jinan Moh. Toiful. 2006. Manuskrip Islam Pesantren. Kitab Cetakan dan Fungsi Marginalia. *Jurnal Lektur Keagamaan*. 4: (1): 1-26.

Azra, Azyumardi. 1994. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar-Akar Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia*. Bandung: Mizan.

Bruinessen, Martin van. 1999. *Kitab Kuning: Islamic Books in Arabic Script Published in Southeast Asia, Collected in Indonesia, Malaysia and Pattani*. Leiden: KITLV (Research Report).

Daulay, Haidar Putra. 2001. *Historisitas dan Eksistensi: Pesantren, Sekolah dan Madrasah*. Yogyakarta: Tiara Wacana.

Daradjat, Zakiah. 1979. *Pokok-Pokok Pikiran Tentang Korelasi Kurikulum MIN, MTsN, MAN dan PGA dengan IAIN*, Lokakarya Pengembangan Kurikulum Pengembangan Kurikulum IAIN, Jakarta: Penerbit Dirjen Binbaga Islam Depag Republik Indonesia.

Dhofier, Zamakhsyari. 1984. *Tradisi Pesantren: Studi Tentang Pandangan Hidup Kyai*. Jakarta: LP3ES.

Horikoshi, Horoko. 1987. *Kiai dan Perubahan Sosial*. Jakarta: P3M.

Jinan, Mohammad Toiful. 2006. *Studi Perbandingan Manuskrip Islam Syarkh Ghayatu Al-Ikhtishar dengan Kitab Cetakan Modern (printed book) dan Fungsi Marginalia*. Surabaya: Fakultas Adab IAIN Sunan Ampel. (Skripsi Sarjana).

Mas'ud, Abdurrahman. 2006. Dari Haramain ke Nusantara: Jejak Intelektual Arsitek Pesantren, Jakarta: Penerbit Kencana.

Mastuhu. 1994. *Dinamika Sistem Pendidikan Pesantren: Suatu Kajian tentang Unsur dan Sistem Pendidikan Pesantren*. Jakarta: INIS.

Steenbrink, K. A. 1986. *Pesantren, Madrasah, Sekolah: Pendidikan Islam dalam Kurun Modern*. Jakarta: LP3ES.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id